

# SUMBANGAN INSTITUSI PENGAJIAN MELAYU DAN ISLAM KE ARAH PELESTARIAN PEMBANGUNAN WARISAN BUDAYA MELAYU

Oleh

Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim &  
Prof. Madya Dr. Idris Awang.

Jabatan Fiqh dan Usul,  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,  
Lembah Pantai 50603, Kuala Lumpur.  
Telepon : 03-79676080/ 012-3192177.  
Email : [faqir\\_ila\\_rabbih@um.edu.my](mailto:faqir_ila_rabbih@um.edu.my)  
Email : [Rahimin\\_afandi@hotmail.com](mailto:Rahimin_afandi@hotmail.com)

## Pengenalan

Sebagai premis utama, kita dapat memberikan dua latar utama kepada perbincangan ini; *pertamanya*, kesedaran masyarakat dunia tentang kepentingan konsep pembangunan mampan (lestari) - suatu bentuk pembangunan holistic yang tidak merosakkan system ekologi alam dan kebudayaan manusia sejagat walaupun umat manusia berusaha untuk maju ke hadapan.<sup>1</sup> *Keduanya*, wujudnya tren kebersamaan di dalam sejarah Malaysia era post tahun 1970an di antara institusi pengajian Melayu dan Islam. Gabungan yang erat dan saling melengkapi ini dapat dilihat, apabila kedua-duanya dilihat telah menjadi pemankin ataupun pencetus utama kepada peningkatan semangat kesedaran kebangkitan Islam di kalangan masyarakat Malaysia.<sup>2</sup>

Atas dasar dua premis ini, kertas kerja ini bakal melihat perkaitan di antara institusi pengajian Melayu dan Islam, di dalam usaha pelestarian pembangunan warisan budaya Melayu yang lebih bersifat dinamik. Memanglah diakui, kedua-dua disiplin ini mempunyai bidang dan cakupan pengajian yang berbeza, tetapi elemennya persamaannya cukup besar iaitu kedua-duanya menjuruskan kepada pengkajian manusia Melayu yang berteraskan kepada prinsip ajaran Islam yang sebenar.

## Relevansi Institusi Pengajian Melayu Dan Islam Untuk Konteks Dunia Global

Dewasa ini, dengan kedatangan era globalisasi, kita dapat menyaksikan bagaimana peta pusat pengajian ilmu-ilmu Islam dunia telah terbahagi kepada tiga jenis yang utama; dunia barat yang berteraskan kaedah ala orientalism<sup>3</sup>; dunia Islam Timur tengah yang lebih menumpukan kepada kerangka pengajian ala tradisionalism<sup>4</sup> dan dunia Alam Melayu (Malaysia dan Indonesia) yang dilihat telah mengadunkan di antara kerangka ala tradisionalism dan reformism sekaligus.<sup>5</sup> Walaupun dunia Alam Melayu

<sup>1</sup> Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali, *Etika Alam Sekitar Daripada Persepektif Islam, Timur Dan Barat*, Kuala Lumpur : Penerbitan PTS, 2002, hlm 118-135

<sup>2</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Konsep Fiqh Malaysia untuk Tamadun Alam Melayu Alaf baru : Suatu analisa tentang kepentingannya ", dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, bil. 10, 2000.

<sup>3</sup> Faisal Ismail, " Studi Islam di Barat, fenomena menarik ", dalam ed. Yudian W. Asmin, *Pengalaman belajar Islam di Kanada*, Yogyakarta : Titian Ilahi press, 1997, hlm 35-42.

<sup>4</sup> Yusri Ihza Mahendra, " Studi Islam di Timur dan Barat : Pengaruhnya terhadap pemikiran Islam di Indonesia ", dalam *Ulumul Quran*, 3, v. 3, 1994, hlm 12-19.

<sup>5</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Isu Pendekatan di dalam Pengajian Syariah di Malaysia : Satu Telaah Awal ", dalam *Jurnal SYARIAH*, v. 13, bil. 1, 2005, hlm 105-134.



sering didakwa sebagai pusat pengajian Islam ala peripheral,<sup>6</sup> ternyata pendekatan Alam Melayu (Malaysia dan Indonesia) telah mendapat sambutan dan momentum yang cukup baik, sehingga dikatakan sebagai nisbah utama ajaran Islam ala Nusantara yang bersifat lembut, tolenran dan terbuka dengan perkembangan moden semasa.<sup>7</sup> Ianya boleh dikatakan sebagai breakthrough utama dirujuk khusus kepada pertambahan mendadak bilangan pelajar asing daripada Negara umat Islam yang menyambung pengajian pasca siswazah di IPTA aliran Islam di Malaysia.<sup>8</sup>

Namun begitu, dalam perkembangan semasa yang menyaksikan pengaruh daripada serangan era globalisasi, kita dapat mengesan kewujudan beberapa tren negative yang cuba memperkecilkan sumbangan dan peranan yang boleh diberikan oleh disiplin Pengajian Melayu dan Islam, terangkum di dalam disiplin Sains social berbanding dengan disiplin pengajian lain. Untuk memperjelaskan kenyataan ini, kita boleh mengemukakan dua kupasan yang diberikan oleh sarjana Malaysia semasa;

1. Pandangan bernas yang diberikan oleh tokoh pendidikan Saedah Siraj yang menempelak kerakusan kalangan perancang (policy maker) program pendidikan yang lebih mengutamakan pembangunan kurikulum ke arah mewujudkan golongan pelajar yang celek IT dan teknokrat yang mahir dalam sektor ekonomi semata-mata dan mengabaikan proses melahirkan golongan pelajar yang dapat bertindak sebagai pemikir dan intelektual masyarakat. Berbanding dengan golongan pertama, golongan pemikir ini boleh dikatakan lebih penting demi untuk menjayakan program pembangunan masyarakat madani di Malaysia,<sup>9</sup> ataupun bakal menawarkan kaedah terbaik bagi memperbetulkan elemen negatif yang mungkin timbul akibat daripada proses pemodenan dan perindustrian yang sedang giat dijalankan di Malaysia.<sup>10</sup>
2. Pandangan yang mengkritik kecenderungan sesetengah institusi pendidikan tinggi yang terlalu terikut-ikut dengan gesaan pengkorporatan IPTA bagi menghadapi cabaran globalisasi. Bagi Wan Mohd Nor Wan Daud, pendekatan yang memandang tinggi kegunaan ilmu-ilmu sains, ekonomi, pengurusan, IT dan teknologi sehingga sanggup menghina kegunaan ilmu-ilmu agama, yang dianggap sebagai tidak berguna untuk konteks zaman moden. Bahkan terdapat semacam kecenderungan yang menganggap kelangsungan keilmuan dan kesedaran agama sebagai membazirkan sumber kewangan negara.<sup>11</sup>

<sup>6</sup> Azyumardi Azra, *Renaissans Islam Asia Tenggara : Sejarah wacana dan kekuasaan*, Bandung : PT Remaja Rosdakarya, 1999, hlm 5-7.

<sup>7</sup> Ibid, hlm xv-xvi.

<sup>8</sup> Sebagai contohnya, boleh dilihat nisbah pertambahan jumlah pelajar pasca siswazah Indonesia di IPTA Islam di Malaysia. Jika di zaman selepas Malaysia merdeka, IPTA Malaysia memerlukan khidmat kalangan sarjana Indonesia bagi membangunkan program pengajian Islam di pelbagai IPTA, hal yang sebaliknya telah berlaku dewasa ini apabila serangkaian pelajar pasca siswazah Indonesia yang datang ke Malaysia bagi mendapatkan khidmat nasihat untuk menamatkan pengajian mereka di peringkat pasca siswazah. Lihat Akh. Minhaji, *Masa depan pembedangan ilmu di Perguruan Tinggi Agama Islam*, Jogjakarta : percetakan ar-Ruzz Jogjakarta, 2003, hlm 62-80.

<sup>9</sup> Saedah Siraj, *Perkembangan kurikulum : teori dan amalan*, Sungai Buloh, 2001, hlm 15-19.

<sup>10</sup> Maklumat lanjut tentang elemen negatif yang biasanya timbul akibat proses perindustrian yang tidak terancang boleh didapati dalam Abdul Rahman Aziz, *Sosiologi Industri : suatu pengenalan*, Kuala Lumpur, 1995, hlm 26-27 dan 32-34.

<sup>11</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia : ke arah suatu kefahaman baru yang lebih sempurna*, Kuala Lumpur : ISTAC, 2001, hlm 16.



Dalam perkembangan semasa, tren negative ini yang memperkecilkan graduan Pengajian Melayu dan Islam boleh dilihat daripada penurunan status UM, yang dibuat oleh THES- dikatakan antara lainnya berpunca daripada;<sup>12</sup>

1. sikap negative (tidak puas hati) yang ditunjukkan oleh sector pasaran pekerjaan luar (awam dan swasta) terhadap graduan aliran Sains Sosial UM. Ianya merujuk kepada kelemahan graduan UM berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dengan baik.
2. Kurangnya nisbah pengambilan pelajar asing di UM.
3. Kurangnya nisbah pengambilan kakitangan akademik daripada luar, khususnya daripada barat.

Jika dilihat secara lebih holistic lagi, kita boleh mencabar kesahihan penarafan yang dilakukan oleh THES ini, berasaskan kepada beberapa perkara;

1. Ianya dibuat mengikut kacamata dunia akademik barat era globalisasi yang lebih berasaskan kepada falsafah falsafah pendidikan utilitarian ala rasional ekonomi (economism)<sup>13</sup>. Agenda Globalisasi telah mengurangkan kawalan pihak kerajaan terhadap institusi universiti<sup>14</sup> yang menyebabkan kebanyakan IPTA berusaha menjadikan diri mereka seperti kilang yang menghasilkan graduan yang kononnya kompeten untuk kehendak pasaran semasa.<sup>15</sup> Pertukaran matlamat universiti ini, seperti mana ditegaskan dalam pendidikan klasik barat dan Islam, daripada “sebagai sumber untuk pembinaan peradaban, memperkuat unsur kemanusiaan melalui pembentukan peribadi dan intelek yang mampu melihat, memahami dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan pergolakan masyarakat semasanya”,<sup>16</sup> kepada suatu falsafah pendidikan utilitarian ala rasional ekonomi (economism) berasaskan model korporat dunia perdagangan telah mencalarakan peranan universiti sebagai institusi sosial yang memupuk budaya intelektual dan pemikiran yang baru, bebas lagi kritis. Hasilnya, lulusan daripada universiti yang menggunakan falsafah ini akan melahirkan lulusan yang berbentuk *careerist*, yang tertumpu hanya kepada soal kerjaya semata-mata dan tidak mempedulikan soal penggunaan daya intelektualnya untuk kesejahteraan masyarakat.<sup>17</sup>
2. Ianya bertentangan dengan dapatan kajian ilmiah semasa yang dilakukan oleh beberapa orang sarjana tempatan yang secara terang-terangan menunjukkan graduan sains social, termasuklah graduan pengajian Melayu dan Islam masih lagi relevan dan dihargai oleh sector pasaran kerja luar.<sup>18</sup> Tinggal lagi, graduan ini yang memang

<sup>12</sup> Lihat Berita Minggu, 15 Oktober 2006.

<sup>13</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*, Kuala Lumpur, 1998, hlm 230.

<sup>14</sup> Hal ini dirujuk kepada (i) pelaksanaan dasar penswastaan dasar pendidikan negara, (ii) pengkorporatan universiti awam dan (iii) penyaluran kemasukan sistem pendidikan antarabangsa melalui program twinning. Lihat Noraini Othman, “Globalisasi, pendidikan dan modeniti di Malaysia”, dalam *Malaysia menanggapi globalisasi : peserta atau mangsa*, Bangi : Penerbitan UKM, 2000, hlm 153.

<sup>15</sup> Lihat Muhammad Kamal Hasan dalam *Intellectual discourse at the end of the second Millennium : Concerns of a Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur : IIUM, 2001, hlm 66-67.

<sup>16</sup> Lihat Noraini Othman, “Globalisasi, pendidikan dan modeniti di Malaysia”, hlm 145.

<sup>17</sup> Ibid

<sup>18</sup> Muhammad Syukri Salleh, “Prospek kerjaya graduan pengurusan Islam di Malaysia”, dalam (edit oleh Wan Ab. Rahman Khudri Bin Wan Abdullah) *Pengurusan Islam : konsep dan amalannya di Malaysia*, Sintok : Penerbit UUM, 2002, hlm 53-76; Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohd. Yahya Mohd Hussin, “Kajian guna tenaga Sarjana Muda Syariah dan Usuluddin (1996-2002) “- Vote F F0378/2003B, APIUM.



mempunyai semangat jati diri Melayu-Islam yang cukup tinggi perlu diperkasakan lagi dengan pelbagai keilmuan moden.

3. Ianya tidak bersifat konstruktif yang sering mengaitkan isu pengangguran dengan kelemahan system pengajian sesuatu IPTA/IPTS. Mengikut Mohd Zaini Ujang, kita patut mencadangkan agar kalangan masyarakat awam, lebih-lebih lagi sektor swasta perlu bersikap lebih terbuka, simpati dan patut meniru apa yang telah dijalankan oleh sektor swasta di Jepun. Sektor swasta di Jepun memaklumi bahawa tempoh pendidikan di IPTA/IPTS yang singkat (selama empat tahun) tidak mungkin mampu membekalkan tenaga kerja mahir yang sempurna. IPTA/IPTS dilihat hanya berperanan untuk mendidik mahasiswanya dengan bersifat universal man dan mampu bertindak sebagai warganegara dan pekerja yang amanah. Hasilnya, sektor swasta telah memainkan peranan melatih graduan IPTA/IPTS ini dengan segala kemahiran yang diperlukan oleh sektor swasta semasa.<sup>19</sup> Pendekatan ini jika diamalkan oleh sektor swasta di Malaysia pasti akan menyelesaikan masalah pengangguran graduan yang agak meruncing pada masa sekarang. Lagipun, berasaskan kepada pencapaian semasa, jika dibandingkan dengan graduan bukan pengajian Islam yang dilaporkan telah mengidap sindrom keruntuhan akhlak dan mutu pencapaian akademik yang rendah,<sup>20</sup> kita boleh berbangga dengan produk bermutu yang dihasilkan oleh IPTA/IPTS aliran Islam – lahirnya graduan yang mempunyai pencapaian akademik yang baik, ditambah pula dengan kemahiran sosial yang cukup tinggi.<sup>21</sup>
4. Pendekatan yang terlalu mendewa-dewakan bahasa Inggeris yang dianggap sebagai neraca utama kecukupan yang diperlukan untuk konteks dunia moden dapat dianggap sebagai proses penaklukan budaya yang cukup merbahaya. Proses penaklukan budaya ini diperkukuhkan lagi dengan usaha menjadikan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di peringkat antarabangsa, menyebabkan keunggulan bahasa tempatan seperti bahasa Melayu akan terjejas teruk. Dalam hal ini, Hashim Musa telah memperincikan elemen keburukan yang bakal timbul dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di peringkat antarabangsa dan sistem pendidikan IPTS kepada bahasa Melayu sendiri, merangkumi;<sup>22</sup>
  - Nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya mengeneipkan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tidak lagi dihormati oleh rakyat jelata.
  - Proses pengintelektulan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai bahasa pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan moden.
  - Peranan Bahasa Melayu sebagai perpaduan di Malaysia akan terjejas.
  - Penggunaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di Bandar besar, sedangkan majority rakyat yang

<sup>19</sup> Zaini Ujang, *Universiti : Mendukung tradisi intelektual*, Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar, 1993, hlm 101-104.

<sup>20</sup> Nordin Kardi, "Melayu dan Islam dalam konteks pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi", dalam edit oleh Suzalie Mohamad *Anjakan Minda belia Islam*, Kuala Lumpur : IKIM, 2002, hlm 29-34.

<sup>21</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Idris Awang "Usaha memperkasakan institusi pendidikan Islam di IPTA Malaysia : satu analisa terhadap pengalaman APIUM." dalam *Seminar Kebangsaan memperkasakan system pendidikan*, Anjuran Fakulti pendidikan UTM - pada 21hb. Oktober 2003.

<sup>22</sup> Hashim Musa, *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2004, hlm 166-168



tinggal di kawasan pendalaman yang masih lemah menggunakan bahasa Inggeris akan tetap sama, yang menyebabkan jurang yang luas dalam soal ini akan menjadi semakin melebar.

Namun begitu, ini bukanlah bermakna kita tidak boleh mempelajari dan memusuhi bahasa Inggeris secara fanatic, tetapi apa yang perlu ditekankan adalah kita janganlah begitu taasub dengan keunggulan bahasa Inggeris sehingga melupakan sama sekali keunggulan yang dimiliki oleh bahasa Melayu itu sendiri. Hal ini telah ditegaskan secara langsung oleh Perdana Menteri semasa merasmikan Hari Kerjaya UKM pada 5 Februari 2001 dengan katanya;<sup>23</sup>

*Kita harus terima hakikat bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa perantaraan perniagaan dunia pada masa kini dan dipercayai merupakan bahasa utama dunia untuk jangka masa yang panjang. Di samping itu bahasa Inggeris juga merupakan bahasa Internet sehingga lebih 80 peratus daripada kandungan cyberspace yang penuh dengan segala jenis maklumat itu adalah bahasa Inggeris. Maka kalau kita hendak bersaing dengan jayanya dalam dunia global ini kita tidak boleh lari dari penguasaannya.*

Syed Hussien al-Attas juga bersependapat dengan kenyataan perdana Menteri ini menyebut; “ mereka yang hanya tahu bahasa ibunda dan tidak tahu bahasa Inggeris pada zaman ini akan hidup dalam dunia pengetahuan yang tertutup dan tidak maju. Malah kehidupan seharian juga akan terjejas.”<sup>24</sup>

Sebagai ganti kepada tren negative ini, kita boleh menganggap disiplin pengajian Melayu dan Islam ini mampu dijadikan disiplin ataupun ilmu penangkis asas (perisai) untuk menangani serangan dunia globalisasi barat. Hal ini dapat diperincikan kepada beberapa perkara yang utama;

**Pertama**, sumber asas untuk kajian dialog peradaban yang dilihat secara positifnya sedang berkembang pesat dewasa ini. Dewasa ini, rata-ratanya kalangan sarjana moden mula mempersoalkan paradigma pendidikan yang lebih bersifat eksklusif kepada sesuatu bidang semata-mata, seperti paradigma yang terlalu bergantung sepenuhnya kepada bidang teknikal semata-mata dan melupakan sumbangan besar yang boleh dimainkan oleh bidang pengajian umum yang lebih bersifat multi-disiplin merangkumi pengajian moral, etika, keagamaan dan kemasyarakatan.

Cabaran ini turut dijelmakan dalam beberapa bentuk kesedaran baru yang muncul di zaman moden;

- kesedaran tentang kegagalan system pemikiran barat yang berteraskan fahaman sekularisme dari segenap segi di dalam menghasilkan bentuk kehidupan yang bahagia kepada umat manusia<sup>25</sup>.

<sup>23</sup> Mohd Yahya Mohd Ariffin, “ Peranan Media Dan Kominikasi “, Dalam (Edit) Abdul Razaq Ahmad, **Mahasiswa Abad 21**, Bangi : Penerbit Ukm, 2005, hlm 172-173

<sup>24</sup> Mingguan Malaysia, 1 Julai 2001

<sup>25</sup> Muhammad Kamal Hasan dalam **Intellectual discourse at the end of the second Millennium : Concerns of a Muslim-Malay CEO**, Kuala Lumpur : UIAM, 2001, hlm 113-116.



- kesedaran tentang peri penting semua agama besar di dunia bersatu untuk menanggapi hegemoni fahaman sekularisme bentuk baru yang dibawa oleh fenomena globalisasi.<sup>26</sup>
- kesedaran ilmiah yang bersifat global dikenali dengan gerakan post-modernism - yang mempersoalkan kesemua konsep ilmu dan kerangka pemodenan barat silam, khususnya pendekatan yang terlalu menekankan subjek sains moden dan menafikan peranan subjek bidang kemasyarakatan. Seandainya Modernism tajaan barat menekankan prinsip pemisahan (differentiation) dan pemandirian (autonomization) semua aspek kehidupan daripada agama, gerakan post-modernism pula yang kecewa dengan modernism silam cuba untuk memterbalikkan hal ini dengan menerapkan prinsip dedifferentiation (rujuk kembali) kepada agama.<sup>27</sup> Gerakan ini lebih menumpukan perhatian untuk menyepadukan kesemua bidang ilmu yang diperlukan oleh umat manusia moden.<sup>28</sup>
- Kesedaran tentang salahnya pandangan yang menisbahkan paradigma keilmuan barat, khususnya S&T sebagai bermanfaat, penuh dengan nilai kemanusiaan dan *value free* (bebas daripada nilai dan kepentingan). Ianya ternyata tidak bersifat *value free* kerana dibina dan dibangunkan penuh dengan pelbagai kepentingan tertentu; seperti kepentingan ekonomi Negara kuat,<sup>29</sup> kepentingan ketenteraan kuasa nuclear barat<sup>30</sup> dan kepentingan kebudayaan barat (Orientalism).<sup>31</sup>

Ringkasnya, masyarakat barat yang terpaksa berhadapan dengan permasalahan ini patut memahami dan mencuba formula penyelesaian masalah yang terhasil daripada warisan budaya Melayu. Dalam dialog academia semasa, hal ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang agak lumrah, seperti mana halnya pengkaji barat dewasa ini dilaporkan begitu tertarik dengan karya-karya sufi yang dihasilkan oleh sarjana Islam dari tradisi Parsi, Indo-Pakistan dan timur tengah.<sup>32</sup>

**Kedua**, bakal memperlihatkan keunggulan sentuhan manusia Melayu yang pernah melahirkan tamadun material dan intelektual yang tinggi di rantau Alam Melayu suatu masa dahulu. Dalam soal ini, paradigma sentuhan manusia Melayu ini dicirikan dengan pelbagai nilai positif yang merujuk khusus kepada sifat budaya dan local genius (kepintaran) manusia Melayu;

<sup>26</sup> Lihat Rahminah Muharam, " Hubungan Islam dan Kristian dalam konteks dokumen Vatican 11 ", dalam *Pemikir*, Oktober-Disember 2000, hlm 202-212.

<sup>27</sup> Kuntowijoyo, " Epistemologi dan paradigma ilmu-ilmu Humaniora dalam perspektif pemikiran Islam ", dalam (edit oleh Akh. Minhaji) *Menyatukan kembali ilmu-ilmu agama dan umum : upaya mempertemukan Epistemologi Islam dan Umum*, Yogyakarta : Sunan kalijaga press, 2003, hlm 66-67.

<sup>28</sup> Lihat Abdul Rahman Embong. " Wacana globalisasi ", dalam (edit oleh Noraini Othman dan Sumit Mandal, *Malaysia Menanggapi Globalisasi : Peserta Atau Mangsa*, Bangi : Penerbit UKM, 2000, hlm 23-25.

<sup>29</sup> Mahathir Mohamad, *Globalization And The New Realities*, Kuala Lumpur : Pelanduk publication, 2002, hlm 21-23.

<sup>30</sup> Ali M. Mazrui, " The Ethics Of War And The Rhetoric Of Politic : The West And The Rest ", Dalam *Islamic Millenium*, V. 2, No. 2, January-March 2002, Hlm 1-10.

<sup>31</sup> Edward Said, *Orientalisme*, New York : Vintage Books, 1979.

<sup>32</sup> Osman Bakar, " Globalisasi Dan Peradaban ", Dalam A. Aziz Deraman *Globalisasi Dalam Peradaban Di Malaysia*, Kuala Lumpur : DBP, 2003, Hlm 33-38.



- Manusia yang mempercayai kewujudan dan bergantung kepada kuasa tuhan yang menguasai sepenuhnya kehidupan manusia di alam nyata dan alam ghaib.<sup>33</sup>
- Manusia yang mesra alam dan mementingkan prinsip penjagaan keseimbangan alam semesta. Mereka amat menghormati dan melayani semua makhluk yang wujud di alam semesta ini dengan cara yang baik.<sup>34</sup> Pendekatan mesra Alam<sup>35</sup> ini merujuk kepada paradigma yang mempercayai alam sebagai sumber ilmu,<sup>36</sup> rezeki dan pedoman untuk menjalani kehidupan bermasyarakat.
- Manusia yang mementingkan elemen kesederhanaan di dalam proses berfikir dan bertindak.<sup>37</sup>
- Manusia yang mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism.<sup>38</sup> Ianya juga dapat dirujuk sebagai manusia yang memiliki semangat yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup tinggi.<sup>39</sup> Pendekatan ini bukan terhad kepada anggota masyarakat Melayu semata-mata, bahkan juga kepada masyarakat asing.<sup>40</sup>
- Manusia yang memiliki dan mementingkan elemen keindahan dan nilai estetika yang tinggi.<sup>41</sup>
- Manusia yang kuat berpegang kepada falsafah yang mementingkan pertimbangan agama dan nilai (perennial and ultimate perspective), berbanding dengan masyarakat barat yang lebih mementingkan persoalan kebendaan dan individualism mengatasi persoalan agama.<sup>42</sup>
- Manusia yang ditakdirkan mendiami kawasan iklim sederhana yang kemudiannya telah melahirkan manusia yang berjiwa lembut, berbanding dengan penduduk kawasan iklim yang panas seperti Timur tengah.<sup>43</sup> Hal ini terbukti apabila Islam

<sup>33</sup> Haron Daud, "Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri", Dalam Ed. Oleh Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus **Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri : Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa Dan Pemikiran Melayu/Indonesia 11**, Kuala Lumpur : DBP, 2002, Hlm 113-138.

<sup>34</sup> Zainal Kling, "Manusia Melayu, Alam Dan Tamadunnya", Dalam Ed. Oleh Abdul Latiff Abu Bakar **Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu : Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995**, Kuala Lumpur : DBP, 2000, Hlm 294-304.

<sup>35</sup> Maklumat Lanjut Tentang Bentuk Dan Implikasi Kehidupan Ala Alami Yang Diamalkan Oleh Masyarakat Di Sebelah Timur Berbanding Dengan Masyarakat Barat (Non-Alami), Boleh Dilihat Dalam Mujiyono Abdillah, **Agama Ramah Lingkungan : Perspektif Al-Quran**, Jakarta : Paramadina, 2001, Hlm 147-152.

<sup>36</sup> Kupasan Yang Cukup Menarik Dalam Soal Ini Boleh Didapati Dalam Hassan Ahmad, **Metafora Melayu : Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna Dan Membentuk Epistemologinya**, Sungai Ramal Dalam : Akademi Kajian Ketamadunan, 2003, Hlm 32-42.

<sup>37</sup> Abdul Halim Othman Dan Md. Shuaib Che Din, "Sifat Kesederhanaan", Dalam **Psikologi Melayu**, Kuala Lumpur : DBP, 1993, Hlm 102-109.

<sup>38</sup> Norazit Selat, "Nilai Kerja Dalam Masyarakat Melayu", Dalam **Budi Kencana : Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussien**, Kuala Lumpur : APMUM, 1994, Hlm 133-141.

<sup>39</sup> Wan Abdul Halim Othman, "Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu", Dalam **Psikologi Melayu**, Kuala Lumpur : DBP, 1993, Hlm 61-101.

<sup>40</sup> Idris Zakaria, "Islam Dan Amalan Toleransi Di Nusantara", Dalam (Edit) Zulkiple Abd Ghani, **Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia**, Bangi : Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, Ukm, 2003, Hlm 150-165

<sup>41</sup> Muhammad Haji Salleh, **Menyeberang Sejarah : Kumpulan Esei Pilihan**, Kuala Lumpur : DBP, 1999, Hlm 165-189.

<sup>42</sup> Abdul Rahman Abdullah, **Falsafah Dan Kaedah Pemikiran**, Kuala Lumpur : Utusan Publication, 2001, Hlm 134-140.

<sup>43</sup> Ibn Khaldun, **Muqaddimah Al-'Allamah Ibn Khaldun**, Dar Al-Fikr, T.T., Hlm 82-95.



secara mudah telah diterima oleh manusia Alam Melayu tanpa menumpahkan darah seperti mana yang berlaku di Timur Tengah, Afrika dan Eropah.<sup>44</sup>

- Manusia yang memiliki kepintaran pemikiran yang cukup advance yang diperincikan dengan empat bentuk pemikiran; (i) Teologis-Rasional, (ii) Alegorikal (simbolik), (iii) Analogis dan pragmatic.<sup>45</sup>
- Mengamalkan sikap terbuka, sanggup belajar dan selektif dengan pengaruh budaya dan agama asing.<sup>46</sup>
- Memiliki semangat dan ciri-ciri budaya ilmu yang tinggi; terbukti dengan tingginya sifat ingin tahu sehingga melahirkan ilmu Asbab (teori tentang kelahiran sesuatu perkara),<sup>47</sup> menghormati golongan ilmuan yang berpengalaman ( seperti Bomoh kerana memiliki kemahiran berinteraksi dengan makhluk halus) dan sifat yang menganggap semua ilmu bukan milik peribadi tetapi lebih menjadi milik masyarakat.<sup>48</sup>

### **Peranan Institusi Pengajian Melayu Dan Islam Dalam Pelestarian Pembangunan Budaya Melayu**

Semua memaklumi bahawa proses pembangunan Malaysia telah ditetapkan perlu berasaskan kepada kebudayaan masyarakat Melayu. Semua rakyat Malaysia perlu memahami latar belakang sejarah penubuhan Negara Malaysia yang berdaulat dan seterusnya perlu menggunakan iktibar sejarah ini di dalam tindakan yang dilakukan, agar sejarah pahit penjajahan Malaysia suatu masa dahulu tidak berulang kembali. Dalam konteks perpaduan sebagai contohnya, semua rakyat Malaysia perlu mengamalkan sikap tolak ansur yang tinggi apabila menyentuh isu keistimewaan yang dimiliki oleh setiap rakyat.

Bagi penganut Melayu-Islam ataupun Bumiputera, mereka tidak boleh mempersoalkan sifat taat setia yang dimiliki oleh penduduk bukan bumiputera yang menjadi warganegara Malaysia yang sah dan memang menganggap Malaysia sebagai tanahair mereka. Hal yang sama perlu dilakukan oleh penduduk bukan bumiputera. Bagi Dato' Hassan Ahmad, sikap tolak ansur ini perlu difahami dan diamalkan secara dua hala, bukannya hanya tahu mendesak sehingga melukakan hati penganut Islam. Apa yang lebih penting lagi, penganut bukan Islam selepas merdeka perlu menghormati kontrak social yang dimeterai semasa proses kemerdekaan Malaysia tercapai- menyentuh isu ketuanan Melayu. Mengikut Wan Mohd Nor Wan Daud, prinsip ketuanan Melayu ini berpunca dari tiga sebab yang utama;

- Sifat awal dan ketinggian tamadun Tanah Melayu yang telah dibina oleh manusia Melayu berasaskan kepada pemahaman terhadap syariah Islam

<sup>44</sup> Lihat Rahimin Affdani Abdul Rahim, " Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia ". Dalam (Edit Oleh Zulkiple Abd. Ghani) **Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia**, Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, UKM Dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Bangi, 2003, Hlm 47-74.

<sup>45</sup> Hassan Ahmad, " Bahasa Dan Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan ", Dalam (Edit) Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris **Pemikiran Melayu : Tradisi Dan Kesenambungan**, Kuala Lumpur : DBP, 2004, Hlm 1-12.

<sup>46</sup> Abdul Rahman Abdullah, **Pemikiran Umat Islam Di Nusantara**, Kuala Lumpur : DBP, 1999, Hlm 54-56.

<sup>47</sup> Ibid, Hlm 12-15.

<sup>48</sup> Muhammad Haji Salleh, **Yang Empunya Cerita, The Mind Of The Malay Author**, Kuala Lumpur : DBP, 1991, Hlm 18-22.



- Nisbah pergorbanan dan darah manusia Melayu yang telah banyak dicurahkan untuk mempertahankan Tanah Melayu menghadapi penjajahan kuasa luar
- Nisbah sifat tolenrasi dan kesudian manusia Melayu menerima bersama golongan bukan Melayu untuk tinggal menetap di Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu, bagi Ahmad Jelani Halimi<sup>49</sup> dan Hashim Musa, manusia Melayu mampu membina tamadun Alam Melayu yang berasaskan kepada perdagangan yang mengamalkan pendekatan mesra dan adil dengan penganut bukan Islam adalah berpunca daripada pengamalan syariah Islam itu sendiri. Fakta sejarah ini perlu difahami secara mendalam oleh penganut bukan Islam, yang diharapkan akan membentuk sifat tolak ansur yang tinggi.

Merujuk khusus kepada peranan pengajian Melayu dan Islam untuk tujuan pelestarian warisan budaya Melayu. Walaupun terpaksa berhadapan dengan serangan globalisasi, terdapat beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh kedua-dua disiplin pengajian ini. Antaranya;

*Pertama*, memaklumi bahawa di antara asas dan sumber utama yang melahirkan warisan budaya Melayu adalah ajaran Islam itu sendiri, yang diadun dengan cukup rapi oleh mubaligh Islam yang awal agar bersesuaian dengan prinsip ajaran Islam. Untuk itu, seseorang pengkaji Melayu-Islam perlu memaklumi perkara ini secara berhemah, dengan tidak memperkecilkan sumbangan mubaligh yang awal. Disinilah terletaknya keindahan gabungan yang erat di antara Melayu dengan ajaran Islam.

Apa yang terpenting sekali, graduan pengajian Melayu dan Islam perlu meniru pendekatan mesra budaya yang diamalkan oleh Mubaligh awal yang bertanggungjawab menyebarkan Islam di rantau Alam Melayu. Walaupun mubaligh awal ini sering dituduh sebagai terlalu bertolak ansur dengan budaya tempatan sehingga menyebabkan timbulnya budaya Islam ala sinkretism,<sup>50</sup> namun semangat dan taktik gerakan dakwah yang dipakai patut dipelajari sepenuhnya oleh pendakwah Islam sekarang.<sup>51</sup> Pendekatan mesra budaya yang diamalkan oleh mubaligh awal ini boleh dirujuk kepada beberapa perkara;

1. kaedah mengakui keabsahan sesuatu tamadun dan kebudayaan masyarakat dengan sikap yang selektif. Islam pada prinsipnya tidak membawa ideologi ras dan etnik seperti agama Yahudi yang menganggap mereka sebagai bangsa pilihan tuhan.<sup>52</sup> Sebaliknya Islam adalah untuk manusia seluruhnya tanpa menghadkan keanggotaannya kepada bangsa Arab semata-mata.<sup>53</sup> Bersesuaian dengan sifat yang mengakui variasi ras dan budaya sebagai tanda kekuasaan dan kreativiti Allah,<sup>54</sup> antara lainnya Islam mengakui kehebatan dan sumbangan tamadun bukan Arab ke atas kehidupan manusia sejagat. Tanpa mengira bangsa dan tempat, sesuatu tamadun itu harus diterima secara positif dan selektif dengan memanfaatkan apa yang baik dengan tapisan yang teliti agar ianya bersesuaian dengan prinsip-prinsip Tauhid.<sup>55</sup> Kedatangan Islam telah dilihat sebagai tidak menghapuskan banyak bentuk budaya

<sup>49</sup> Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan Dan Perkapalan Melayu Di Selat Melaka Abab Ke 15 Hingga Ke 18*, Kuala Lumpur : DBP, 2006.

<sup>50</sup> Idris Zakaria, " Mengapa Melayu tiada ahli Falsafah ", dalam *Pemikir*, Oktober-Disember 2000, hlm 106-114.

<sup>51</sup> Lihat Rahimin Affdani Abdul Rahim, " Analisis sejarah Dakwah dan jalinan intelektual rantau Malaysia-Indonesia ", hlm 47-49.

<sup>52</sup> Ghazali Darusalam, *Dakwah Islam dan ideologi barat*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, 1998, hlm 30-39.

<sup>53</sup> Quran 49:13.

<sup>54</sup> Quran 25:2; 36:36; 44:38-39; 50:38; 2:29 dan 28:80.

<sup>55</sup> S. Waqar Ahmad Husaini, *Islamic Environmental system Engineering*, London, 1980, hlm 4-5.



Arab tempatan, tetapi ia telah menerima dan mengekalkan banyak budaya mubah ini ataupun ianya telah melahirkan (sintesis) budaya baru<sup>56</sup> hasil penerapan rapi dengan nilai-nilai Islam.<sup>57</sup>

2. Kaedah yang mempelajari bahasa, adat, struktur sosial masyarakat Melayu sehingga melahirkan sistem tulisan jawi yang kemudiannya digunakan sebagai alat komunikasi yang utama untuk tujuan penyebaran ilmu-ilmu Islam.<sup>58</sup>
3. Kaedah yang mengasaskan institusi pendidikan Islam bagi tujuan mobiliti keilmuan sehingga melahirkan sejumlah besar sarjana Melayu Islam yang mampu bertindak sebagai intelektual ummah dan mampu menghakis sistem sosial Melayu yang bersifat feudalism.<sup>59</sup>

**Kedua**, kepentingan menggunakan paradigma penilaian yang tepat terhadap warisan karya moral ulama Melayu-Islam silam. Kita dapat mengesan empat bentuk paradigma yang biasa dipakai, yang masih lagi sehingga pada masa sekarang. Ianya terdiri dari;

1. Paradigma sinis dan negative yang biasanya ditonjolkan oleh sarjana orientalis barat yang berkecenderungan untuk menggambarkan sikap negatif yang melampau bagi bangsa Melayu (seperti malas, feudalistic, suka menyerah kepada takdir, pengotor dan sebagainya), di samping menggambarkan keunggulan psikologi bangsa Eropah.<sup>60</sup> Kajian ini lebih terpengaruh dengan prinsip evolutionism yang mana motif utamanya adalah untuk menjustifikasikan program penjajahan bangsa Eropah terhadap bangsa Melayu.<sup>61</sup>
2. Paradigma reductionism yang dihasilkan oleh sarjana Melayu Islam sendiri yang mengamalkan sikap yang skeptik dan memandang rendah warisan tradisi Melayu silam.<sup>62</sup> Dalam banyak hal, pendekatan mereka lebih terpengaruh dengan kaedah fuqaha dan reformisme yang lebih menekankan soal-soal apa yang dibenarkan dan apa yang tidak dibenarkan menurut pandangan Islam. Akibatnya, mereka lebih suka menilai sesuatu warisan Melayu silam secara literal semata-mata dan menganggap warisan tradisi Melayu adalah berpunca dari warisan Hindu-Budha dan Animisme pra-Islam yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang

<sup>56</sup> Dalam soal ini, Mona M. Abul Fadl menyatakan : *Historically the Islamic paradigm of knowledge has proven congenial to the different modes of knowing. The legacy of the Birunis, Ibn Haythams, al-Ghazali, Ibn Rushd, Razi is a monument to this capacity to integrate dan accommodate the diverse modes or traditions within what is more of a synthetic rather than a syncretist whole.* Lihat Mona M. Abul Fadl, *Toward global cultural renewal : Modernity dan the Episteme of transcendence*, Herndon, 1995, hlm 13-14.

<sup>57</sup> S. Waqar Ahmad Husaini, *Islamic Environmental*, hlm 30-31.

<sup>58</sup> Lihat Rahimin Affdani Abdul Rahim, " Al-Quran dan peranan Ulamak Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu ", dalam (edit. oleh Mohd Radzi Othman) *Warisan al-Quran dan peradaban manusia siri 1*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2003, hlm 1-31.

<sup>59</sup> Shaharuddin Maaruf sendiri sebagai seorang yang amat menentang amalan feudalisme dalam masyarakat Melayu telah mengakui bahawa konsep feudalisme yang sebelumnya begitu kuat mendominasi masyarakat Melayu telah mula dipertikai dan cuba dihakis dengan faktor penyebaran keilmuan Islam. Lihat Shaharuddin Maaruf, " Nilai kemanusiaan - Islam dalam persuratan Melayu ", dalam edit oleh Mohamed Anwar Omar Din, *Sastera Islam Citra nurani Ummah*, Bangi : Penerbit UKM, 2004, hlm 118-128.

<sup>60</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Kebudayaan Melayu dan Islam di Nusantara : satu analisa pengkaedahan ", dalam *Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000*, Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, pada 7-8hb. November 2000, hlm 18-19.

<sup>61</sup> Wang Gungwu, *Scholarship and the history and politics of southeast Asia*, Flinders University of South Australia, 1970, hlm 11.

<sup>62</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Ulamak dan paradigma menanggapi kebudayaan Melayu ", dalam (edit) Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din, *Wacana Budaya*, Kuala Lumpur : APMUM, 2006, hlm 55-80.



dianggap sebagai amalan bid'ah yang harus diperangi dan sekaligus cuba meruntuhkan apa yang telah dibina oleh sarjana Alam Melayu sebelumnya.<sup>63</sup>

3. Paradigma reductionism yang dihasilkan oleh sarjana Melayu moden yang menjadikan pandangan sarjana barat sebagai sumber asas dan landasan teori di dalam kajian terhadap psikologi manusia Melayu, yang sayangnya sumber data dan maklumat tentang diri manusia Melayu masih lagi kabur.<sup>64</sup> Mereka lebih cenderung untuk menggunakan teori barat yang dipakai terhadap manusia Melayu tanpa mengambilkira agama, falsafah dan pandangan alam yang dipegang oleh orang Melayu, ataupun kalau hal ini dilakukan ianya lebih bersifat cebisan semata-mata, dan tidak bersifat holistik.<sup>65</sup>
4. Paradigma pertengahan dan apologetic yang mengakui keunggulan warisan ulama silam tetapi turut menilainya secara kritikal berasaskan kepada reality semasa dan neraca ilmiah.<sup>66</sup>

Sebagai paradigma alternative, kita berpendapat bahawa paradigma yang ke (4) ini paling sesuai digunakan bagi membuat penilaian terhadap warisan ulama Melayu-Islam silam. Pendekatan ini dipilih kerana tiga fakta utama;

1. Ianya bersesuaian dengan kerangka pemikiran intelektualism Islam yang sejati.<sup>67</sup>
2. kedatangan Islam ke alam Melayu tidak berlaku secara sekali gus, tetapi ianya ditakdirkan Allah berlaku secara berperingkat-peringkat, yang amat berbeza perkembangan dan kesan keislaman ke atas masyarakat Melayu di dalam setiap peringkat perkembangannya. Fakta ini telah dijelaskan oleh S.M.Naqqid al-Attas yang menegaskan tentang proses pengislaman di alam Melayu, yang telah melalui tiga zaman utama. Pertama, zaman antara tahun 1200-1400 iaitu zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan luaran semata-mata (nominal conversion). Kedua, zaman antara tahun 1400-1700 yang dijelaskan sebagai zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan batin yang antara kesannya adalah tersebarnya ilmu pengetahuan yang cukup mengalakkan dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Ketiga, zaman antara tahun 1700 ke atas yang digambarkan sebagai zaman penerusan idea daripada yang kedua, yang kemudiannya telah terganggu dengan kedatangan kuasa barat di Tanah Melayu.<sup>68</sup>
3. Islam yang datang ke alam Melayu ini pada peringkat awalnya bukanlah dalam bentuknya yang sejati tetapi telah dicirikan dengan beberapa aspek negatif melibatkan para mubaligh yang awal. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa keadaan:-

<sup>63</sup> Lihat Louay M. Safi, *Truth and reform : exploring the pattern and dynamics of historical change*, Kuala Lumpur : Open press publication, 1998, hlm 86-88.

<sup>64</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Isu dan pengaruh Orientalisme di Malaysia : satu analisa ", dalam Jurnal 'Ulum Islamiyyah, v. 2, no. 1, 2005, hlm 11-42.

<sup>65</sup> Lihat sebagai contohnya, Nik A. Rashid Ismail, " Kepimpinan : ulasan teori dan kajiannya di Malaysia ", dalam *Psikologi Melayu*, hlm 1-49.

<sup>66</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Pengamalan ilmu usul al-fiqh di dalam Sastera Undang-undang Melayu : satu analisa ", dalam (edit oleh Muhammad Mokhtar Hassan) *Kesusasteraan dan Undang-undang*, Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2003, hlm 158-179.

<sup>67</sup> Azyumardi Azra, *Esei-esei Intelektual Muslim Dan Pendidikan Islam*, Jakarta, 1998, hlm 43-47 dan Russli Kamarudin, " Realisme, Niccolo Machiavelli dan al-Ghazali : Satu perbandingan ", dalam *Politik Malaysia : perspektif teori dan praktik*, Bangi, 2002, hlm 140-144..

<sup>68</sup> S.M. Naqqid al-Attas, *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur, 1969, hlm 29-30.



- Citra Islam dalam bentuk yang terpengaruh dengan tamadun era Taqlid yang berlaku sebelumnya di dalam dunia intelektual Islam.<sup>69</sup>
- Islam dalam bentuk kesufian yang tinggi, yang kurang menitikberatkan persoalan rasionalisme.<sup>70</sup>
- Citra Islam yang penuh dengan ciri-ciri popular Islam yang dibawa oleh mubaligh awal.<sup>71</sup>
- Citra Islam yang terpengaruh secara langsung dengan ciri-ciri feudalism timur tengah dan India.<sup>72</sup>

*Ketiga*, perlu mengamalkan sikap proaktif dan kritikal terhadap fenomena globalisasi semasa. Seperti mana dinyatakan oleh pemikir Melayu semasa bahawa globalisasi dewasa ini sebenarnya lebih merupakan usaha pensejagatan nilai-nilai sekular barat ke seluruh dunia.<sup>73</sup> Merujuk khusus kepada isu moral, pandangan ini memang mempunyai asas yang kukuh kerana mengikut pandangan faham sekularisme, neraca utama bagi sesuatu etika dan perbuatan yang baik itu bergantung kepada;<sup>74</sup>

1. Prinsip vitalisme – apa-apa sahaja yang berbentuk kuat dan menguntungkan dari segi kebendaan akan dianggap sebagai baik.
2. Prinsip kreativiti – apa-apa sahaja yang boleh mencetuskan daya kreativiti dan menghasilkan ciptaan baru akan dianggap sebagai baik dan bermutu.
3. Prinsip hedonisme – apa-apa sahaja yang boleh memuaskan hawa nafsu manusia akan dianggap sebagai baik, manakala apa-apa sahaja yang boleh membawa penderitaan nafsu akan dianggap sebagai buruk.
4. Prinsip majoriti masyarakat – apa-apa sahaja yang disukai oleh tren dan kecenderungan sesuatu masyarakat akan dianggap sebagai baik

Sebagai analisis perbandingan terhadap kerangka system nilai ala barat yang dicanangkan sebagai maju oleh pihak barat, Siddiq fadhil telah mengemukakan neraca system nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu, berteraskan ajaran Islam dan adat ketimuran. Set ataupun neraca ini telah diperincikan sebagai;<sup>75</sup>

1. The principle of Tauhid, Nubuwwah and Khalifah.
2. Importance of face or maruah (dignity)
3. Orientation toward the community

<sup>69</sup> Abdul Majeed Mackeen, *Contemporary Islamic legal organization in Malaya*, Southeast Asian Studies, no. 13, New Haven, 1969, hlm 14-16.

<sup>70</sup> Idris Zakaria, "Mengapa Melayu tiada ahli Falsafah", dalam *Pemikir*, Oktober-Disember 2000, hlm 106-114.

<sup>71</sup> Mohd Taib Osman, "Islamization of the Malays : a transformation of culture", dalam *Readings on Islam in Southeast Asia*, Singapore, 1985, hlm 44-45.

<sup>72</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Budaya Taqlid di dalam Masyarakat Melayu Tradisional : suatu analisa ringkas", dalam *Jurnal Syariah*, v. 3, bil. 1, 1995, hlm 35-37.

<sup>73</sup> Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : ke arah pembinaan sebuah tamadun dunia Alaf baru*, Kuala Lumpur :APMUM, 2001, hlm 36.

<sup>74</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Keistimewaan Islam sebagai sistem hidup yang lengkap", dalam *Seminar Keindahan Islam 2003 Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus*, Anjuran Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, di Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan, Seremban, pada 25hb. Mac 2003.

<sup>75</sup> Siddiq Fadhil, "Jatidiri Dan Nilai-Nilai Budaya Dalam Pemikiran Melayu", Dalam Edit Ahmad Mohamad Said *Pembangunan Watak Bangsa : Pemerkasaan Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan*, Kajang : Akademi Kajian Ketamadunan, 2005, Hlm 40-42.



4. Loyalty to the community and family
5. Social cohesion and harmony
6. Emphasis on the middle way or the path of moderation
7. Strong work ethic and capacity for hard work
8. Filial piety and respect for elders
9. Emphasis on the importance of education.

Dewasa ini, para pemikir barat sendiri telah mengakui kelemahan yang dimiliki oleh system nilai barat yang terlalu berasaskan kepada sifat individualism, materialism dan hedonisme, dan telah mula meniru ataupun mempelajari kerangka system nilai ketimuran yang lebih berteraskan kepada prinsip keagamaan dan perennial.<sup>76</sup> Falsafah perennial ini memberikan antara lainnya penekanan kepada tiga perkara yang utama;<sup>77</sup>

1. Metafizika yang memperlihatkan kewujudan hakikat illahi dan ketuhanan di dalam segala sesuatu : kehidupan dan fikiran.
2. Suatu psikologi yang memperlihatkan adanya sesuatu dalam jiwa manusia yang berkaitan dengan elemen ketuhanan.
3. Etika yang memperjelaskan hakikat dan tujuan akhir kehidupan manusia yang mempunyai kaitan dengan elemen ketuhanan.

*Keempat*, disiplin pengajian Islam secara khusus perlu dijadikan sebagai asas ataupun penapis untuk menilai sesuatu perkembangan warisan budaya Melayu. Hal ini bakal memastikan ketepatan fuqaha di dalam menerapkan prinsip-prinsip hukum Islam agar bersesuaian dengan konsep dan maksud sebenar syarak dengan realiti semasa di Malaysia. Hal ini boleh dikatakan sebagai fenomena yang agak mendesak demi untuk memastikan agar konsep dan prinsip hukum Islam yang terpilih tidak disalah gunakan bagi tujuan mendapatkan justification (pengesahan dan keabsahan) syarak terhadap mana-mana amalan yang bertentangan dengan prinsip asas Islam.<sup>78</sup> Dalam soal ini beberapa contoh boleh diberikan, antaranya;

1. Penggunaan adat tempatan (urf) Melayu sebagai asas penetapan dan sumber hukum tambahan terhadap sesuatu permasalahan hukum yang timbul di dalam masyarakat.<sup>79</sup> Apa yang jelasnya, sebelum sesuatu adat kebiasaan Melayu itu boleh diterima pakai penggunaannya untuk tujuan penetapan hukum baru, fuqaha dengan bantuan pengajian kebudayaan Melayu perlu memastikan samada adat yang menjadi amalan kebiasaan masyarakat Melayu tersebut tergolong di dalam adat yang sahih ataupun fasid.<sup>80</sup>

<sup>76</sup> Haron Daud, "Pemikiran Melayu tentang alam dan hakikat diri", dalam ed. Oleh Syed Muhammad dawilah al-Edrus *Pemikiran Melayu tentang Alam dan hakikat diri : Kumpulan kertas kerja Kolokium Bahasa dan pemikiran Melayu/Indonesia 11*, Kuala Lumpur : DBP, 2002, hlm 113-138.

<sup>77</sup> Budhy Munawar Rachman, *Islam Pluralis : Wacana kesetaraan kaum beriman*, Jakarta : Penerbit Paramadina, 2002, hlm 76-98.

<sup>78</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, "Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun", dalam *Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun*, Kuala Lumpur, 1999, hlm 8-10.

<sup>79</sup> Md. Salleh Haji Ahmad, "Pengajian syariah : hubungannya dengan adat resam serta keadaan tempatan", dalam *Dinamisme pengajian syariah*, hlm 63-66.

<sup>80</sup> Ibid.



2. Penggunaan konsep Siyasah syariah yang memberi kuasa terhad kepada sesuatu kuasa pemerintah Islam untuk menguatkuasakan sesuatu dasar baru yang bersesuaian dengan maslaah kepentingan masyarakat Islam.<sup>81</sup> Demi untuk mengelakkan penggunaan konsep ini yang kerap digambarkan sebagai alat utama untuk sesuatu dasar yang menindas,<sup>82</sup> seseorang fuqaha itu perlu meneliti banyak perkara, seperti bentuk kepentingan (maslaah) yang cuba hendak ditekankan berasaskan realiti keutamaan yang sangat diperlukan oleh sesuatu masyarakat,<sup>83</sup> beberapa Qawaid fiqhiyyah yang mengabungkan antara kaedah mengutamakan keredaan Allah dan makhluk<sup>84</sup> dan juga realiti dasar politik dan sosial yang diamalkan oleh sesebuah kerajaan yang memerintah,<sup>85</sup> yang boleh diperolih daripada disiplin politik dan sosiologi.
3. Penggunaan konsep Rukhsah dan Darurat yang memberikan kelonggaran di dalam sesuatu amalan taklif syarak untuk seseorang penganut Islam.<sup>86</sup> Dalam soal ini fuqaha perlu meneliti bentuk dan halangan sosial dan ekonomi yang terpaksa ditanggung oleh penganut Islam yang secara jelas terkandung di dalam disiplin ekonomi dan sosiologi.

*Kelima*, kedua disiplin pengajian Melayu dan Islam dapat dijadikan sebagai mekanisme utama untuk memperkasakan lagi warisan budaya Melayu. Dalam soal ini, beberapa perkara perlu diberikan penekanan;

1. Semua pengkaji budaya Melayu perlu mengetahui sifat budaya Melayu yang dinamik dan bukannya statik. Atas dasar ini, ulamak perlu secara proaktif mendekati budaya Melayu dan tidak menganggapnya sebagai sesuatu yang kotor dan mungkar. Dengan cara ini, seseorang ulamak boleh mempengaruhi dan menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam elemen *pola cita dan kelakuan* yang terkandung di dalam kebudayaan Melayu.
2. Kebanyakan daripada budaya dan kesenian manusia Melayu diasaskan oleh mubaligh awal sebagai wadah dakwah yang cukup berkesan. Kesemua bentuk budaya dan kesenian Melayu Islam ini kemudiannya telah menjadi identiti khusus untuk manusia Melayu bagi tujuan upacara ritual, hubungan kemasyarakatan dan ekspresi seni.<sup>87</sup>
3. Apabila ulamak kemudiannya mengambil sikap tidak endah dan enggan mempedulikan elemen budaya dan seni Melayu ini telah menyebabkan kedua-duanya diresapi dengan nilai-nilai sekularisme barat, sehingga mengubah tema dan matlamat asalnya sama sekali.<sup>88</sup> Contoh yang jelas boleh dilihat kepada beberapa seni persembahan Melayu seperti tarian zapin, dikir barat, wayang kulit dan sebagainya.

<sup>81</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Shukeri Mohamed, "Siasah syar'iyah dan kedudukannya sebagai metod penentuan hukum", dalam **Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia**, hlm 99-124.

<sup>82</sup> Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Pengamalan ilmu usul al-fiqh di dalam sastera undang-undang Melayu: satu analisa", dalam **Seminar Kesusasteraan dan undang-undang**, anjuran Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, pada 26-27hb Julai 2001.

<sup>83</sup> Lihat sebagai contohnya perbincangan yang dibuat oleh Sukeri Mohamad, "Maqasid al-Syariah dalam pengurusan harta", dalam **Monograf Syariah**, v. 4, 1996, hlm 1-25.

<sup>84</sup> Lihat sebagai contohnya Mohd Salleh Haji Ahmad, **Pengantar Syariah**, Kuala Lumpur, 1999, hlm 210-243.

<sup>85</sup> Lihat sebagai contohnya kupasan Husin Mutalib, "Islamization in Malaysia: Between ideals and realities", dalam **Islam, Muslims and the modern State; case-studies of Muslims in thirteen countries**, London, 1994, hlm 166-167.

<sup>86</sup> Lihat sebagai contohnya kupasan yang diberikan oleh Muhammad Firdaus, **Kesan perubahan sosial terhadap hukum Islam**, Tesis Ph.D untuk Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1999, hlm 94-100.

<sup>87</sup> Lihat Shafie Abu Bakar, "Pengaruh dan kekuatan Islam dalam persuratan Melayu", dalam **Globalisme dan Patriotisme dalam sastera Melayu**, Kuala Lumpur: DBP, 2000, hlm 15-32.

<sup>88</sup> Lihat sebagai contohnya Mana Sikana, **Falsafah dan seni kreatif Melayu**, Kuala Lumpur: DBP, 1996, hlm 236-241.



4. Sebahagian besar daripada budaya Melayu dihasilkan akibat penggunaan pemikiran aktif (moden) manusia Melayu mempelajari fenomena alam dan pengaruh Islam. Contohnya, dua perpatah Melayu boleh ditunjukkan bagi membuktikan ciri-ciri ini; *biar mati anak jangan mati adat dan sekali air bah sekali pasir pantai berubah*. Dalam perpatah pertama, jelas menunjukkan manusia Melayu lebih mementingkan sifat kerukunan masyarakat melebihi kepentingan diri sendiri (walaupun anak sendiri yang bersalah ianya perlu dihukum). Manakala perpatah kedua pula membuktikan sifat keterbukaan manusia Melayu di dalam melakukan proses reviewing yang berhemah terhadap semua adat yang diamalkan agar ianya sentiasa sesuai dengan ajaran Islam dan perkembangan masa.<sup>89</sup> Sikap yang anti adat dan menganggap kesemua adat Melayu berasal dari warisan pra-Islam yang bertentangan dengan Islam, dapat dikatakan sebagai songsang dan tidak bersifat ilmiah. Ini kerana proses pengislaman adat dengan faktor ajaran Islam telah berlaku dengan cukup berkesan dalam masyarakat Melayu, seperti ditegaskan oleh Abdullah Alwi Haji Hassan, “*pengubahsuaian pengamalan adat-adat Melayu ini kepada prinsip Islam merupakan proses yang berlaku tanpa henti, kerana Islam itu sendiri sentiasa bergerak ke depan tanpa kelesuan*”.<sup>90</sup>
5. kepentingan mengali intipati dan kandungan warisan karya moral ulama Melau-Islam silam melalui penyelidikan ilmiah yang betul.<sup>91</sup> Hasil dapatan kajian ini kemudiannya perlu dihidupkan secara fungsional bagi menyelesaikan masalah masyarakat semasa. Seperti mana ditegaskan oleh Osman Bakar, masyarakat Melayu silam melalui karya moral ulama Melayu-Islam memang mempunyai formula yang cukup tuntas bagi menghadapi isu polarisasi kaum di Malaysia. Hal ini mula disedari oleh masyarakat Barat yang dilihat telah berhadapan dengan permasalahan perkauman yang cukup kronik.<sup>92</sup>
6. kepentingan memperkenalkan subjek warisan budaya ulama Melayu-Islam silam seperti syair, pantun, Guridam, perpatah dan sebagainya untuk pengajian moral di Malaysia. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kesemua hasil seni masyarakat Melayu ini penuh dengan unsure-unsur kesenian, nasihat dan system nilai yang terbaik. Bukan setakat itu sahaja, terdapat kajian emperikal yang membuktikan bagaimana elemen sains dan Teknologi juga terdapat di dalam hasil seni ini.<sup>93</sup>
7. keperluan menerapkan system adab Melayu yang amat mementingkan kewujudan hidup masyarakat yang berteraskan kerukunan. Hasil kajian yang dibuat terhadap sifat kesantunan (sifat pengaulan dan komunikasi yang baik dan mengelakkan pertelingkahan) masyarakat Melayu mendapati bagaimana masyarakat Melayu bukan setakat mementingkan soal kesantunan ini secara teoritikal semata-mata, bahkan turut disertai dengan pelan tindakan yang cukup komprehensif. Hal ini perlu dipelajari

<sup>89</sup> Norazit Selat, “Adat Melayu : kesinambungan dan perubahan”, dalam *Adat Melayu serumpun*, Kuala Lumpur : DBP, 2001, hlm 90.

<sup>90</sup> Abdullah Alwi haji Hassan, “Adat Melayu mengikut perspektif perundangan orang Islam di Malaysia”, dalam *Adat Melayu serumpun*, Kuala Lumpur : DBP, 2001, hlm 65-66.

<sup>91</sup> Sebagai contohnya lihat Kim Keum Hyun, *Konsep Jadi Orang dalam masyarakat Melayu : satu kajian kes di Negeri Terengganu*, tesis sarjana untuk Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1995.

<sup>92</sup> Osman Bakar (2003), “Globalisasi dan peradaban”, dalam A. Aziz Deraman *Globalisasi Dalam Peradaban Di Malaysia*, Kuala Lumpur : DBP, h. 33-38.

<sup>93</sup> Lihat sebagai contohnya Ithnin Abdul Jalil, “Pemikiran Saintifik Orang Melayu Melalui Peribahasa”, dalam edit Yaacob Haron *Kosmologi Melayu*, Kuala lumpur : APMUM, 2001, hlm 452-469.



dan diterapkan secara berhemah dalam pendidikan moral. Antara strategi kesantunan masyarakat Melayu adalah;<sup>94</sup>

- Berasaskan sifat ikhlas.
  - Sifat merendah diri.
  - Mementingkan sifat maaf dan ucapan terima kasih.
  - Mencari alasan yang munasabah.
  - Mempergunakan sumber rujukan Islam sebagai dalih untuk menolak sesuatu permintaan.
  - Mempergunakan ungkapan Rabbani (unsur Islam)
8. kepentingan menonjolkan neraca dan sifat manusia terbaik (idola) yang berasaskan kepada konsep budi bahasa Melayu dan bukannya seperti mana difahami oleh masyarakat moden semasa. Mengikut kaca mata masyarakat Melayu silam, orang yang dianggap mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi dan dipandang mulia dalam masyarakat akan dinamakan sebagai orang yang BUDIMAN; merujuk kepada orang yang mempunyai budi pekerti, budi bahasa, budi bicara, akal budi dan adab sopan yang tinggi dan mulia.<sup>95</sup> Secara lebih mendalam lagi, ciri-ciri budiman ini dapat diperjelaskan;
- Budi pekerti dan adab sopan yang mulia – tingkah laku, keperibadian, fiil perangai dan tindak tanduk yang baik, sopan santun, sesuai, wajar, pemurah, penyayang dan penuh menyumbang dan bermanfaat kepada masyarakatnya.
  - Budi bahasa dan budi bicara – pertuturan yang manis, sopan, positif, bijaksana, bernas dan penuh pengajaran serta sumbangan kepada khalayak dan pendengarnya.
  - Akal budi dan hati budi – akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu, kebijaksanaan, ketenangan, kewarasan, kemuliaan dan kebaikan.

**Keenam**, kepentingan menggunakan kerangka penilaian terhadap konsep seni dan adat masyarakat Melayu secara berhemah. Pendekatan terbaik yang mungkin perlu diterapkan dalam konteks ini adalah berbentuk pertengahan (tidak terlalu ekstrim dan terlalu mudah) yang boleh mengelakkan Islam daripada tohmahan kesat yang menyatakan Islam itu anti pemodenan, anti seni dan ketinggalan zaman. Pada dasarnya, dicadangkan tiga pendekatan utama;

1. Pendekatan ala filosofis- sejarah; di mana seseorang fuqaha patut mengambilkira persoalan asal usul pensejarahan sesuatu aspek adat dan seni Melayu itu diciptakan. Di samping itu juga, fuqaha perlu mengetahui persoalan filosofis yang terkandung di dalam adapt dan seni Melayu itu yang rata-ratanya dikesan telah diasaskan oleh para mubaligh Islam yang awal. Maksudnya, banyak daripada hasil adapt dan seni Melayu ini yang sesuai untuk diamalkan bagi kelangsungan umat Islam di zaman moden. Contoh yang paling jelas boleh dilihat daripada timbulnya fenomena Nasyid Kontemporari sebagai medium utama yang bersifat islamik untuk menghiburkan masyarakat.
2. Pendekatan yang bersifat lebih konstruktif terhadap konsep seni, yang perlu disertakan dengan pengkajian yang teliti. Atas dasar ini, setiap hasil seni dan adapt tempatan tidak

<sup>94</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Noriati A. Rashid, "Konsep Kesantunan Dalam Masyarakat Melayu", dalam *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, v. 3, bil. 1, Jun 2005, hlm 112-128.

<sup>95</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Hashim Musa, *Falsafah, Logic, Teeori Nilai Dan Etika Melayu : Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur : APM, 2001, hlm 79-81.



sepatutnya dimusuhi, tetapi sebaliknya perlu dihargai kerana ianya secara tidak langsung dapat dijadikan ukuran tentang nisbah penghayatan ajaran Islam yang berlangsung di dalam kehidupan masyarakat. Setiap hasil kreativiti seni para seniman Islam merupakan luahan seni yang memang terdapat di dalam diri setiap manusia, berpunca daripada pengalaman perenungan terhadap keindahan ciptaan Allah dan jalinan spiritual berasaskan akal budi dan rasa cinta dengan Allah.<sup>96</sup> Ianya perlu dikaji, diteliti dan dipetik elemen pengajaran bagi manfaat umat Islam.<sup>97</sup>

3. Pendekatan yang tidak terlalu anti melulu kepada adat dan seni Melayu. Islam amat mementingkan elemen ekspresi keindahan yang berteraskan kepada konsep Tauhid. Namun begitu, sebelum ianya boleh dianggap sebagai sesuatu yang bermanfaat dan mempunyai nilai estetika keindahan yang bermutu, tapisan terhadap metode dan isi kandungannya perlu dilakukan.
4. Pendekatan ala futuristic patut ditekankan, demi untuk mengelakkan bencana yang lebih berat terkena kepada umat Islam.<sup>98</sup> Sebagai contohnya, kita boleh mendapati bagaimana sebarang usaha yang mengharamkan ataupun membatasi kegiatan kesenian hanya akan menimbulkan masalah ummah yang lebih kronik lagi, masyarakat akan tidak mempedulikan ajaran agama dan meninggalkan kesenian Melayu yang dianggap ketinggalan zaman dan bertentangan dengan Islam. Sebagai gantinya, mereka akan secara mudahnya mengamalkan amalan kesenian ala barat yang kononnya lebih bersifat sejagat dan lebih bersesuaian dengan kehendak nafsu serakah manusia semata-mata.<sup>99</sup>

## Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir, dapat kita katakan bahawa proses pelestarian warisan budaya Melayu perlu dilakukan secara berhemah memandangkan ianya merupakan nyawa utama kepada kelangsungan masyarakat Melayu semasa. Kita tidak mahu mengulangi kesilapan pembangunan tamadun sekularisme barat yang mengabaikan elemen tradisi budaya dan agama itu sendiri. Sebagai gantinya, kertas kerja ini telah menonjolkan bagaimana usaha pelestarian ini boleh dilakukan secara tuntas melalui gabungan peranan antara disiplin pengajian Melayu dan Islam. Apa yang lebih penting lagi, diharapkan agar pihak kita tidak akan secara melulu meniru semua perkara daripada barat, lebih-lebih lagi dengan serangan globalisasi.

<sup>96</sup> A. Khudori Soleh, *Wacana baru Filsafat Islam*, Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 2004, hlm 320-327.

<sup>97</sup> Roskang Jailani, " Hubungan pendidikan seni dengan konsep Tauhid ", dalam (edit) oleh Mohd. Radzi Othman, *Warisan al-Quran : aspek sosiobudaya*, Pulau Pinang : Penerbit USM, 2003, hlm 228-244.

<sup>98</sup> Yusuf Qardawi, *Wawasan Islam antara keaslian dan kemodenan*, terj. Ahmad Nuryadi Asmawi, Kuala Lumpur, 1992, hlm 135-143.

<sup>99</sup> Lihat Salasiah Abd. Wahab, " Madonna, Pascamoden dan Kebudayaan Populer ", dalam *Jurnal YADIM*, bil. 2, 2001, hlm 15-20. Lihat juga Shahrarom TM Sulaiman, " Budaya Hiper Dan Ekstasi Gaya Hidup Remaja Dalam Era Siber ", dalam *Jurnal YADIM*, bil. 2, 2001, hlm 1-12.